

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1970

TANAH MILIK (ALIENATED LAND) YANG DAFTAR HAKMILIKNYA TELAH HILANG, ROSAJ, HANCUR DAN SEBAGAINYA

Di beberapa buah Jajahan ada terdapat banyak tanah-tanah yang diberi milik pada masa-masa dahulu yang mana sekarang ini Daftar Hakmiliknya hilang, rosak, atau hancur, sehingga tidak boleh dibaca langsung. Kebanyakannya daripada tanah-tanah ini tidak ada suratan hakmilik yang dikeluarkan (issue document of titles) tetapi ada tercatit di dalam Daftar Hasil (Rent Roll) dan hasil dipungut tiap- tiap tahun. Keraguan telah timbul sama ada boleh atau tidak dipungut hasil tahunan atas tanah-tanah seumpama ini.

2. Sek. 93 KTN menyatakan bahawa hasil tahunan yang kena dibayar bagi tanah- tanah milik adalah suatu hutang kepada Pihak berkuasa Negeri. Sek.5 pula memberi makna ‘tanah milik’ sebagai ‘mana-mana tanah yang sedang ada hakmilik berdaftar’. Oleh itu, tanah-tanah seperti yang disebutkan dalam perenggan 1 di atas tidaklah terjumlah kepada ‘tanah milik’ dan jika inya bukan tanah milik, maka dengan berdasarkan kepada Sek.93, gugurlah kewajipan tuan-tuan tanah dari membayar hasil tahunan. Lagipun tuan-tuan tanah tidak dapat membuat sebarang perkiraan dan juga Pejabat-pejabat tanah tidak dapat mengesahkan tanah-tanah itu.

3. Perkara ini telah pun dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Negeri dan beliau memberi pandangan bahawa tindakan-tindakan yang perlu diambil sekarang ialah:-

- (a) Bagi tanah-tanah yang daftar hakmiliknya hilang, rosak atau hancur, dan tuan-tuan tanah tidak ada memegang suratan hakmilik yang dikeluarkan, maka hasil tahunan bagi tanah-tanah ini tidak boleh dipungut. Pemungut Hasil Tanah hendaklah menasihatkan tuan-tuan tanah yang berkenaan supaya membuat permohonan di bawah Kaedah 43 daripada Kaedah-kaedah Tanah Kelantan 1966;
- (b) Bagi tanah-tanah yang Daftar Hakmilik yang telah hilang, rosak atau hancur tetapi tuan tanah yang berkenaan ada memegang suratan hakmilik yang dikeluarkan, maka hasil tahunan bolehlah dipungut dengan syarat Pendaftar/Pemungut terlebih dahulu mengambil tindakan mendaftarkan tanah itu di dalam Daftar Hakmilik baru mengikut Peraturan-peraturan yang terkandung dalam Sek. 166(I) (a) dan Sek. 167 K.T.N.

4. Mulai dari tahun 1970, semua P.H.T hendaklah mengambil tindakan seperti yang dinasihatkan oleh Penasihat Undang-undang Negeri bagaimana perenggan 3 di atas.

t.t
(Akasah bin H.A. Rahman)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU: 7HB. JUN, 1970

PTG.Kn. 116/67/(12)